

SOALAN NO: 527

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan terhadap syarikat yang tidak melaksanakan umur persaraan wajib (60 tahun) dan jumlah syarikat tersebut.

PR-1323-T64282

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, mulai 1 Januari 2014 Peraturan-Peraturan Umur Persaraan Minimum (Siasatan) 2013 telah dikuatkuasakan di mana semua aduan di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753) akan disiasat mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Peraturan ini.
2. Sehingga 29 September 2014, sebanyak 17 aduan daripada pekerja telah diterima terhadap syarikat yang tidak mematuhi Akta 753 ini.

3. Kes-kes tersebut telah difailkan, didengar dan diputuskan mengikut prosiding Mahkamah Buruh. Perincian adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan aduan kes persaraan sehingga 29 September 2014

| Bil | Kawasan | Bilangan Aduan | Aduan berasas | Aduan Tidak Berasas |
|---------------|----------------|-----------------------|----------------------|----------------------------|
| 1 | Semenanjung | 15 | 6 | 9 |
| 2. | Sabah | 0 | 0 | 0 |
| 3. | Sarawak | 2 | 1 | 1 |
| Jumlah | | 17 | 7 | 10 |

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja

Tuan Yang Di Pertua,

4. Sekiranya Kementerian Sumber Manusia (KSM) dapat mengesan syarikat yang masih gagal melaksanakan umur persaraan minimum, KSM tidak akan teragak-agak untuk mengenakan tindakan pendakwaan terhadap syarikat terbabit.